

KUALA LUMPUR, 16 JULAI (BERNAMA) — PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGANGKAT SUMPAN JAWATAN DI DEPAN YANG DI-PERTUAN AGONG DI ISTANA NEGARA DI SINI HARI INI.

ISTIADAT RINGKAS SELAMA 10 MINIT ITU BERMULA PADA PUKUL 11.02 PAGI DENGAN DATUK PADUKA MAHARAJA RELA, TENGGU MUSTAPHA TENGGU MAHMUD MEMINTA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGADAP MENERIMA SURATCARA PERLANTIKAN.

DALAM DEWAN ISTIADAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR DUDUK DI SEBELAH KIRI SINGGAHSANA MANAKALA DATUK HUSSEIN ONN DI SEBELAH KANAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN DIIRINGI OLEH DATUK PENGHULU ISTIADAT ENGGU DATUK IBRAHIM KEMUDIAN BANGUN MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN MENERIMA SURATCARA PERLANTIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGUCAP TANGAN SERI PADUKA.
— BERSAMBUNG 1202/LK

B528:

MAHATHIR-SUMPAN 2 KUALA LUMPUR

SELEPAS BERUNDUR TIGA TAPAK DARI SINGGAHSANA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAFAZKAN IKRAR SUMPAN JAWATAN DI DEPAN SERI PADUKA.

BELIAU KEMUDIAN TUNDUK SEMBAH SEKALI LAGI DAN BERUNDUR KE MEJA KHAS UNTUK MENANDATANGANI SURATCARA PERLANTIKAN DENGAN DISAKSIKAN OLEH PEMANGKU KETUA HAKIM NEGARA, RAJA TAN SRI AZLAN SHAH DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI HASHIM AMAN.

SELEPAS ITU, DATUK PADUKA MAHARAJALELA MEMANGGIL MASUK MUFTI ISTANA NEGARA, HAJI SHAHIR DAUD UNTUK MEMBACA DOA SELAMAT. — BERSAMBUNG 1214/LK

MAHATHIR-SUMPAN 3 KUALA LUMPUR

ISTIADAT INI DIHADIRI OLEH PARA MENTERI KABINET KECUALI MENTERI HAL ENWAL LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN YANG KINI DI NEW YORK.

KETUA POLIS NEGARA, TAN SRI HANIFF OMAR, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, TAN SRI MOHAMED GHAZALI DATUK SETH DAN PEGUAM NEGARA, TAN SRI ABU TALIB OTHMAN HADIR SAMA.

DALAM ISTIADAT INI PARA ISTERI ORANG-ORANG KENAMAAN TIDAK HADIR.

SELESAI DOA SELAMAT DIBACAKAN, DATUK PADUKA MAHARAJA LELA MENGUMUMKAN KEBERANGKATAN KELUAR SERI PADUKA KE SATU LAGI ISTIADAT RINGKAS PENGURNIAAN DARJAH SERI MAHARAJA HANGKU NEGARA, (SMN) MEMBAWA GELARAN TUN KEPADA DATUK HUSSEIN ONN DI SEBUAH DEWAN BERASINGAN. — BERSAMBUNG 1223/LK

B531:
PEMBETULAN 'a'a'a'

HARAP BACA BERITA B527 +MAHATHIR-SUMPAN+ ... PARA AKHIR ...
DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGUCUP (ULANG) MENGUCUP
TANGAN SERI PADUKA ... (BUKAN NYA MENGUCAP TANGAN SERI PADUKA
— BERNAMA 1220/LK

B532:
MAHATHIR-SUMPAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENANG TANPA BERTANDING UNTUK JAWATAN
PRESIDEN UMNO DALAM PERHIMPUNAN AGUNG KE32 UMNO MALAYSIA
PADA 26 JUN LALU.

BELIAU DILANTIK MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI PADA 5 MAC
1976.

BELIAU MULA MENYERTA KABINET MALAYSIA DALAM TAHUN 1974 APABILA
DILANTIK OLEH BEKAS PERDANA MENTERI ALLAHYARHAM TUN. ABDUL
RAZAK MENJADI MENTERI PELAJARAN.

DALAM ROMBAKAN KABINET PADA 31 DISEMBER 1977, DATUK SERI DR.
MAHATHIR MELEPASKAN PORTFOLIO PELAJARAN DAN MENGAMBIL ALIH
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERTA POLITIK DALAM TAHUN 1945
DAN KEMUDIAN MENYERTA UMNO.

BELIAU BERTANDING DALAM PILIHANRAYA TAHUN 1964 DAN MEMENANGI
KERUSI PARLIMEN KAWAN KOTA SETAR SELATAN. — BERSAMBUNG
1226/LK

B533:
MAHATHIR-SUMPAN 5 KUALA LUMPUR

SETAHUN SELEPAS ITU, BELIAU MENJADI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI
UMNO SEHINGGA TAHUN 1969.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KALAH DALAM PILIHANRAYA UMUM 1969 DAN
PADA 12 JULAI TAHUN ITU DISINGKIR DARI UMNO ATAS SEBAB-
SEBAB DISIPLIN.

PADA 7 MAC 1972, BELIAU DITERIMA MASUK SEMULA KE UMNO DAN DALAM
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TIGA BULAN KEMUDIAN DIPILIH MENDUDUKI
MAJLIS TERTINGGI UMNO DENGAN UNDI TERBANYAK.

BELIAU BAGAIMANAPUN GAGAL UNTUK MEREBut JAWATAN NAIB PRESIDEN
UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DILANTIK MENJADI SENATOR PADA 30
DISEMBER 1972.. SETAHUN KEMUDIAN BELIAU DILANTIK MENJADI PENERUSI
FIMA.

BELIAU MENANG TANPA BERTANDING UNTUK KERUSI PARLIMEN KUBANG
PASU DALAM PILIHANRAYA UMUM 1974. SETAHUN KEMUDIAN BELIAU
DIPILIH MENJADI SALAH SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO DALAM
PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU. — BERSAMBUNG 1230/LK

B534:
MAHATHIR-SUMPAN 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGETUAI BERBAGAI BADAN DALAM UMNO
ANTARANYA BIRO PENERANGAN UMNO MALAYSIA DAN BADAN PERHUBUNGAN
UMNO NEGERI PERAK.

BELIAU JUGA MENJADI PENERUSI JAWATANKUASA TATATERTIB UMNO. —
BERNAMA 1231/LK